

# Rukun Negara: Dari mana hendak ke mana

Lima prinsip Rukun Negara mencakupi kesemua aspek utama yang perlu dihayati dan diamalkan oleh rakyat Malaysia.

Penjiwaan ke atas lima prinsip yang merupakan Ikrar nasional ini diyakini mampu melahirkan dan membentuk rakyat Malaysia yang membawa kepada perpaduan dan keharmonian hidup di negara yang dimiliki oleh rakyat berbilang kaum dan budaya.

Ancaman kepada perpaduan negara terus muncul walau secara berkala dan kemuncaknya setakat ini adalah peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Malah kewujudan Lima Prinsip Rukun Negara tersebut oleh Majlis Perundingan Negara (MAP-EN) pada tahun 1970, yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Razak, adalah merupakan tindakbalas terhadap peristiwa berdarah rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 dengan tujuan membentuk rakyat Malaysia yang bersatupadu.

Kerosakan dan kemusnahan akibat daripada rusuhan kaum itu amat menggerunkan dalam konteks negara Malaysia. Kita tidak

mampu untuk berhadapan sekali lagi dengan peristiwa berdarah yang boleh membawa kemusnahan kepada negara tercinta ini.

Lima prinsip yang dirumuskan merupakan akujanji seluruh rakyat Malaysia, dengan tuntutan bahawa sebagai rakyat Malaysia, adalah menjadi kewajipan untuk memahami, menjiwai dan melaksanakannya dalam kehidupan harian.

Aspek Ketuhanan sebagai tunggak Rukun Negara, meletakkan status diri manusia sebagai hamba Allah akan mewujudkan warganegara yang patuh kepada perintah Allah. Kepatuhan akan membawa kepada sifat taat dalam melaksanakan perintah Allah, sesuai dengan tujuan penciptaan manusia hanya untuk beribadah kepada Allah.

Hakikat yang pastinya menyelesaikan sebahagian besar masalah yang dihadapi dalam konteks masyarakat majmuk di negara ini, kerana majoriti rakyat yang beragama Islam akan memainkan peranan sebagai penggerak dan inspirasi kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Persoalannya sejauh

mana umat Islam di negara ini yang memenuhi ciri-ciri dan memainkan peranan sebagai umat contoh dan umat terbaik di negara ini.

Prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan dijadikan kepala kepada empat prinsip yang lain, atas kesedaran dan keyakinan bahawa dengan wujudnya prinsip ini di kalangan rakyat, akan menjadi pemangkin dan memudahkan pelaksanaan dan penjiwaan ke atas empat lagi prinsip yang lain.

Kegagalan dalam menerjemah dan menjiwai Prinsip pertama ini, pasti menyukarkan atau menjadikan pelaksanaan empat prinsip berikutnya tidak berkesan.

Persoalannya apakah sudah wujud usaha yang berkesan untuk membawa rakyat, khususnya umat Islam menjiwai prinsip ungkulan ini yang juga merupakan Rukun Iman yang pertama.

Kewujudan Rukun Negara tampaknya belum mampu menjamin keharmonian hidup rakyat berbilang kaum di negara ini.

Pengetahuan ke atas lima prinsip berkenaan ternyata belum sampai ke tahap yang mebolehkan

penjelmaannya dalam aktiviti kehidupan harian dan mewujudkan sikap sayang-menyayang, hormat-menghormati, percaya-mempercayai dan ciri-ciri murni lain yang menjadi bukti kepada teguhnya semangat perpaduan di kalangan rakyat.

Memandangkan betapa pentingnya ciri-ciri perpaduan dalam konteks negara Malaysia, maka sewajarnya ialah Kementerian Perpaduan Negara melaksanakan tugas utamanya merangka langkah dan strategi berkesan untuk memastikan prinsip-prinsip yang digariskan terjelma dalam kehidupan harian rakyat negara ini.

Kementerian Perpaduan sewajarnya diletakkan sebagai kementerian penting dan utama sesuai dengan cabaran besar yang dihadapi negara dalam memastikan isu perpaduan mesti diselesaikan dahulu, sekiranya mahukan kejayaan ke atas aspek-aspek pentadbiran yang lain khususnya ekonomi dan sosial.

Haji Rafiei Mustapha  
Pesuruhjaya PAS  
negeri Sembilan  
23 September 2020